

SAWI

NAMA SAINTIFIK: BRASSICA RAPA.L

PENGENALAN

Sawi putih mempunyai daun yang berwarna hijau dan batang berwarna putih.

Sama seperti saudara keluarga sawi (cruciferae) sayur daun ini adalah tumbuhan semusim yang bermakna akan mati sebaik sahaja berbunga dan mengeluarkan biji benih.



PENYEDIAAN TANAH

Tanah perlu dibajak dan digembur selama 15 - 20cm.

Kemudian batas yang berukuran 1.2m lebar, 7.5m panjang dan 20 - 30cm tinggi disediakan.

MENANAM

Di ladang/batas: Biji benih sawi boleh ditanam terus ke atas batas.

Sebelum menanam, biji benih dirawat dengan racun kulat thiram dan digaulkan dengan pasir halus atau tanah peroi dan ditabur sama rata ke dalam jalur-jalur pada batas.

Dalam pasu: Tabur 3-4 biji benih ke dalam lubang.

Penjarangan: Selepas 10 hingga 14 hari.

Jarak tanaman: 20 cm antara baris (alur) dan 10 cm antara pokok.

MEMBAJA

Bagi tanah mineral, baja organik digaulkan ke dalam batas untuk menentukan kesuburan pokok. Pembajaan yang disyorkan adalah:

Pusingan	Masa	Jenis Baja	Kadar/Batas	Kadar/Ha. (650 batas)
1	Sebelum menanam	Baja Organik	6 kg	4 tan
2	2 minggu	NPK 15:15:15	0.4 kg	0.26 tan
3	3 minggu	NPK 15:15:15	0.5 kg	0.33 tan

KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Diantara serangga dan penyakit utama yang menyerang tanaman sawi ialah:

Jenis Serangga/Penyakit	Kawalan
Ulat Ratus (Army Worm) (Spodoptera litura)	Semburan racun carbaryl, cypermethrin, indoxacarb dan lain-lain yang sesuai
Kabuh Lenting (Phyllotera sinuate)	Sembur racun seperti malathion, deltamethrin dan lain-lain yang sesuai
Ulat pangkas (Cut Worm) (Agrotis ypsilon)	Sembur racun seperti dimethoate, cypermethrin dan lain-lain yang sesuai
Ulat Pluttela (Plutella xylostella)	Sembur racun seperti Bacillus thuringiensis dan lain-lain yang sesuai. Amalkan tanaman bergilir
Reput Lembut (Erwinia carotovora)	Rawat biji benih dengan thiram. Amalkan tanaman bergilir dan tentukan saluran yang baik
Bintik Daun (Leaf Spot) (Cercospora spp.)	Rawat biji benih dengan thiram
Reput Daun (Leaf Rot) (Corticium solani)	Cabut dan buang pokok yang berpenyakit

PENGAIRAN

Sawi memerlukan air yang banyak untuk tumbesarnya. Penyiraman air dua kali sehari dalam musim panas, secara manual atau bersistem pengairan renjis adalah disyorkan.

KAWALAN RUMPAI

Kawalan rumpai dilakukan secara manual dilakukan dua kali sepanjang umur pokok. Racun glufosinate ammonium boleh digunakan di keliling batas dan parit.

SIRAMAN CUKA KAYU

Cuka kayu berfungsi sebagai penghalau serangga, pemulih tanah dan penyubur pokok. Cara penggunaan:

- Bancuh cuka kayu 1ml : 500ml air
- Sembur di pucuk sehingga ke pangkal pokok dan ke media semaian sebanyak 2 kali seminggu.

PENGUTIPAN HASIL

Daun sawi boleh dikutip 28 hingga 30 hari selepas menyemai. Sayur ini dipungut dengan memotong pada paras tanah. Hasilnya boleh juga dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga. Pengeluaran hasil adalah di antara 10 hingga 16 tan/ha dan hasil purata ialah 14 tan/ha.

